

# Abdul Latif 'takut' bergelar jutawan muda

**KUALA LUMPUR:** Pemenang pingat emas di Sukan Paralimpik Rio baru-baru ini, Abdul Latif Romly mengakui sangat teruja namun pada masa yang sama takut dengan gelaran jutawan muda hasil ganjaran yang diperoleh atas kejayaan berkenaan.

Abdul Latif, 19, meraih pingat emas dalam acara lompat jauh T20, menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) berjumlah RM1 juta dan beberapa sumbangan syarikat korporat termasuk Naza Corporation Holdings yang memberikan sebuah suite kediaman di Trion 888, Equine Park bernilai RM350,000 dan sebuah kereta Kia Sportage berharga RM121,888 ekoran kejayaannya di Rio de Janeiro, Brazil.

Atlet kelahiran Perlis itu berkata beliau tidak menyangka kejayaan itu telah mengubah hidupnya sekeluarga hasil daripada titik peluhnya sendiri.

"Terima kasih kepada semua ganjaran yang diberikan kepada saya dan rakan-rakan. Saya gembira tetapi takut juga sebab saya masih muda.

"Saya akan pastikan kewangan saya diurus dengan baik. Saya juga ingat pesanan semua supaya terus melakar kejayaan dan bersedia menyahut seruan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin untuk beraksi di Sukan SEA dan memecah rekod kebangsaan," katanya kepada pemberita di Menara Naza, persiaran KLCC di sini. — Bernama